

**Metodologi Dan Sumbangan Ibnu Shahin: Kajian Terhadap Karya *Tarikh Asma' Al-Thiqat***

**[Methodology And Contributions Of Ibnu Shahin: An Analysis Of The Work *Tarikh Asma' Al-Thiqat*]**

**Mohamad Hafiz Darpen**

*Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Kolej Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*

[hafizdarpen@kuips.edu.my](mailto:hafizdarpen@kuips.edu.my)

**Khalilullah Amin Ahmad**

*Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Kolej Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*

[amin@kuips.edu.my](mailto:amin@kuips.edu.my)

**Muhammad Lukman Mat Sin**

*Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Kolej Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*

[drlukmanms@kuips.edu.my](mailto:drlukmanms@kuips.edu.my)

**Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin**

*Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Kolej Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia*

[wafa@kuips.edu.my](mailto:wafa@kuips.edu.my)

**Article  
Progress:**

**Submission date:**  
01-12-2023

**Accepted date:**  
20-12-2023

**ABSTRACT**

The emergence of prominent hadith scholars in their expertise had a profoundly positive impact on the community around the 3rd century of the Hijrah. Among the contributions coming from many hadith scholars can be seen through their writings and works. This article explains a study of the work *Tarikh Asma' al-Thiqat* written by al-Hafiz Abu Hafs Umar bin Ahmad, known as Ibnu Shahin (297-385). This study also aims to introduce Ibnu Shahin, who is a figure in the field of hadith, and highlight his contribution to the science of *al-Jarh wa al-Ta'dil* or *Rijal* through this work. The author uses library research to examine his background qualitatively to identify the knowledge of *al-Jarh wa al-Ta'dil* stated by him in his book. This study will consist of an introduction, two chapters, and a conclusion. In the introduction, the reasons for the study and its importance are explained. The first chapter discusses the background of Ibnu Shahin, the second chapter discusses his methodology or writing methodology in his work, and the conclusion summarizes the study findings. Therefore, the researcher hopes that this study can reveal the importance of understanding the methodology in each work of scholars.

*in the science of al-Jarh wa al-Ta'dil and further highlight the uniqueness of writing methodologies in this field.*

**Keywords:** Knowledge of al-Jarh wa al-Ta'dil, Ibnu Shahin, Methodology, Contributions, Book of Tarikh Asma' Al-Thiqat.

## PENDAHULUAN

Hadis atau al-Sunnah merupakan sumber ajaran Islam yang kedua penting setelah al-Quran. Kenyataan ini adalah suatu pandangan yang tidak boleh dipertikaikan dan telah diterima oleh para ahli ilmu Islam. Hujah berdasarkan hadis yang sahih tidak hanya sesuai, malah diperlukan. Namun, menentukan kesahihan sesuatu hadis bukanlah tugas yang mudah. (Afif, 1995)

Hadis tidak memiliki kriteria seperti al-Qur'an yang mana isi kandungannya dapat diterima tanpa perlu diragukan lagi. Sebaliknya, hadis perlu diperiksa terlebih dahulu kesahihan dan keasliannya, dengan jumlah hadis yang sangat banyak serta memiliki darjat yang berbeza di antara satu hadis dengan hadis lainnya. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh dengan mudah menerima hadis secara bermudah-mudah melainkan setelah mengenalpasti kesahihan dan keabsahannya. (Dandy, 2023).

Secara istilah *al-Jarh* bererti munculnya suatu watak atau karakter dalam diri perawi yang menzahirkan sifat adilnya atau mencacatkan hafalan dan kekuatan ingatannya, yang mengakibatkan gugur riwayatnya atau lemah riwayatnya atau bahkan tertolak riwayatnya. Manakala *al-Tajrib* ialah menyifati seseorang perawi dengan sifat-sifat yang membawa dampak pada penilaian yang lemah, atau kurang riwayatnya, atau tidak diterima, atau kata nama lain ianya ditolak. (Al-Khathib, 2003)

Menurut Al-Khathib (2003) yang juga merupakan seorang tokoh hadis kontemporari ketika mengulas tentang ilmu hadis, ilmu *Rijal Hadis* terbahagi kepada dua bahagian besar; iaitu ilmu *Tarikh al-Ruwah* dan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Jika ilmu *Tarikh al-Ruwah* membahaskan tentang latar belakang sejarah hidup perawi secara menyeluruh, bermula dari tahun lahir, ibubapa, riwayat menuntut ilmu, tarikh wafat dan lain-lain, maka ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* mengulas tentang sejarah hidup perawi secara khusus, iaitu bagaimana kredibiliti mahupun moral seorang perawi dari sudut dhabit atau tidak, jujur atau tidak dan tsiqah atau tidak. Ringkasnya, ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* adalah ilmu yang membahaskan pujian atau kritikan orang-orang yang namanya terdapat dalam sanad sebuah hadis. (Imron, 2018).

Menurut sumber lain, *al-Jarh* ialah sifat yang tampak jelas mengenai peribadi periwayatan yang tidak adil atau yang buruk pada hafalan dan kecermatannya, dan keadaan itu menyebabkan gugurnya atau lemahnya riwayat yang disampaikan. Sedangkan *al-Tajrib* menurut istilah ilmu hadis bererti pengungkapan keadaan periwayatan atas sifat-sifatnya yang tercela, yang hal itu menyebabkan lemah atau tertolak riwayat yang disampaikan oleh perawi tersebut. (Abu Lubabah Husain, 1979).

Demi menjaga kualiti dan kesahihan hadis Nabi Muhammad SAW, para ilmuan mencipta kaedah-kaedah yang berkaitan dengan hadis. Di antara kaedah itu ada yang disebut kaedah sanad hadis, iaitu setiap syarat atau ciri-ciri yang berlaku pada sanad hadis yang berkualiti sahih. (Ismail, 1995).

Di antara para ulama hadis terdahulu yang terkenal dalam ilmu *Naqd Sanad* khususnya *al-Jarh wa al-Ta'dil* dalam kalangan tabi'in antaranya Ibnu Sirin, 'Amir al-Sya'bi dan Hasan al-Basri. Pada generasi sesudah mereka terdapat tokoh-tokoh seperti Sufyan bin 'Uyainah, Abdurrahman bin Mahdi dan Yahya bin Ma'in. Sesudah generasi mereka muncul pula ulama-ulama lain yang terkenal juga seperti Ahmad bin Hanbal, Abu Hatim, Abu Zur'ah, Ibnu Shahin dan lain-lain. (Imron, 2018) Beberapa kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang telah disusun dan mengkhususkan perawipерawi tsiqah oleh para ulama hadis antaranya kitab *Tarikh Asma' wa al-Thiqat* oleh Ibnu Shahin.

Berdasarkan ulasan-ulasan di atas, penulis sangat berminat untuk membahaskan isi kandungan kitab ini dengan meneliti cara Ibnu Shahin menyusun, mengumpul dan membahaskan serta mendedahkan nama-nama perawi dengan cara yang betul.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini menfokuskan tentang metodologi dan sumbangan Ibnu Shahin dalam karya beliau *Tarikh Asma' al-Thiqah*.

## METODOLOGI KAJIAN

Penelitian tulisan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Oleh itu, karya-karya utama dari kitab Ibnu Shahin dan karya-karya lain berkaitan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* akan dijadikan sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan data-data primer. Justeru, antara kitab penting yang membahaskan tentang latar belakang Ibnu Shahin dan metode penulisan adalah seperti *Tarikh Asma' Al-Thiqah*, *Al-Targhib fi Fadhill Al-A'mal wa Sawab Zalik*, *Nasikh Al-Hadith wa Mansukhihi* dan lain-lain.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian ini memfokuskan berkaitan metodologi *al-Jarh wa al-Ta'dil* dalam salah satu kitab perawi hadis di kalangan intelektual Islam. Dalam membahaskan kajian ini, pengkaji memfokuskan bagaimana kaedah dan sistem penyusunan yang terdapat dalam kitab *Tarikh Asma' wa Thiqat*.

Muazar, (2023) telah membincangkan metodologi *al-jarh wa al-ta'dil* dalam salah satu kitab yang terkenal dalam kalangan intelektual Muslim yang meriwayatkan hadis. Dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji memberi tumpuan kepada cara bagaimana metodologi dan struktur yang ada dalam kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil* serta bagaimana pendekatan kritikal yang digunakan oleh Ibn Abi Hatim. Setelah data yang diperoleh telah diproses, dianalisis, dan dijelaskan, maka dapat dikenalpasti cara bagaimana kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil* itu disusun, iaitu

melalui penggunaan sistematik abjad serta cara Ibnu Abi Hatim yang mengutip pandangan para ulama terdahulu yang dikenali sebagai kredibel dan berkebolehan, mencatatkan sumber asal bagi setiap riwayat, mengambil pendapat yang paling mendekati kepada keadaan perawi tersebut, dan menjelaskan penilaian terperinci terhadap setiap perawi. Pendekatan kritikalnya adalah dengan berusaha untuk memelihara sunnah-sunnah Nabi SAW, membezakan antara perawi yang kuat dan yang lemah, bersikap tegas dan menolak riwayat daripada individu yang berlainan ajaran, serta melaksanakan pemilihan yang teliti dalam menerima suatu riwayat.

Dalam kajiannya ini juga, Ibnu Abi Hatim mengkategorikan perawi kepada lima tahap yang masing-masing mempunyai status yang berbeza. Tahap pertama dan kedua, riwayat perawi dapat diterima dan dianggap sebagai bukti, tahap ketiga, riwayatnya diterima dan perlu diperhatikan, tahap keempat, riwayatnya diterima dalam konteks etika, adab, serta dorongan dan penarikan (*targib wa tarhib*). Tahap kelima, riwayatnya ditolak dan tidak digunakan sama sekali. Terdapat juga beberapa istilah dalam *al-jarh wa al-ta'dil* yang digunakan olehnya, seperti *Thiqat*, *mutqin*, *subut*, *suduq*, *malahahu suduq*, *la ba'sa bihi*, *syaikh*, *salih al-hadis*, *layyin al-hadis*, *laisa bi qawiy*, *da'if al-hadis*, *matruk al-hadis*, dan *kazab*.

Tambahan lagi, Iskandar (2019) pernah mengulas tentang pendekatan kritikal Ibnu Hajar terhadap sanad. Oleh itu, sekurang-kurangnya terdapat dua aspek yang memerlukan perhatian, iaitu analisis keseluruhan pendekatan kritikalnya dan, dalam konteks ini, kita akan meneliti pendekatan Ibnu Hajar dalam penyusunan kitab *Taqrib al-Tahdzib*. Seterusnya, kita akan mengkaji pendekatan Ibnu Hajar dalam menilai kualiti seorang perawi dengan mengkaji beberapa isu yang berkaitan.

Menurut Syamsudin, (2017), artikel ini mengupas mengenai pendekatan Ibnu Abî Hâtim dalam karyanya, Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil. Oleh itu, kitab ini menjadi salah satu rujukan utama dalam menelusuri sejarah hidup dan reputasi seorang perawi. Salah satu sumbangan penting dari Ibnu Abi Hatim adalah dengan menghimpun maklumat dari 18,040 perawi dalam kitab tersebut, yang kemudian digunakan untuk memberikan penilaian terhadap setiap perawi, sama ada diterima (*maqbûl*) atau ditolak (*mardûd*). Proses ini memungkinkan pengkaji untuk mengetahui status dan kedudukan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi tersebut. Dengan mengaplikasikan metodologi kepustakaan dan menerapkan pendekatan analisis data, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa penilaian yang diberikan oleh Ibnu Abî Hâtim terhadap para perawi tidak dapat dipisahkan dari kritik-kritik yang beliau tuliskan sendiri dalam kitabnya. Selain itu, beliau cenderung untuk merujuk kepada pandangan ulama hadis terdahulu dalam menyusun penilaiannya. Apabila dibandingkan dengan kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang lain atau sejenisnya, terdapat perbezaan dalam idealisme yang terkandung dalam karya Ibnu Abî Hâtim dan realitas yang terdapat dalam kitab tersebut yang kadang-kadang tidak selaras.

Silvianto (2019) menggambarkan bagaimana Ibnu Hibban menggunakan metodologi dalam menentukan kesahihan hadis, bagaimana pandangan ulama terhadap pendekatannya, serta memberikan contoh-contoh hadis yang menjadi subjek perbezaan pendapat. Hasil daripada penyelidikan ini adalah beberapa kesimpulan yang menyatakan bahawa metodologi Ibnu Hibban dianggap memudahkan penentuan syarat-syarat hadis yang dianggap sahih oleh ulama, termasuk memasukkan riwayat daripada perawi yang tidak dikenali *majhul* ke dalam kategori *thiqah*. Namun, pendekatan ini telah menjadi subjek kritikan oleh para ulama. Salah satu contoh hadis yang terlibat dalam perbezaan pendapat adalah hadis mengenai Yasin, yang akhirnya dianggap lemah dalam darjat kesahihannya.

Ammari (2012) melakukan kajian terhadap metodologi yang digunakan oleh al-Bukhari dalam penulisan kitab *al-Du'afa'*, menghilangkan ketidakjelasan ilmiah dalam kitab tersebut, dan mendedahkan faedah-faedah hadis berkaitan dengan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan *'Ilal al-Hadith*. Hasil utama kajian ini adalah peneguhan kedudukan tinggi al-Bukhari dalam ilmu hadis dan cara beliau memilih perawi dari kitab-kitab *al-Dhu'afa'*. Kritikan terhadap al-Bukhari juga diperjelaskan, dan penulis mengesyorkan penerbitan kitab ini secara ilmiah untuk menghilangkan ketidakjelasan di dalamnya.

Humaedi (2020) pula membuat penelitian yang membahaskan penggunaan frasa "*Fi hi nazar*" oleh al-Bukhari dalam menilai para perawi dalam kitabnya, *al-Tarikh al-Kabir*. Beberapa ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* memahami frasa ini dengan cara yang berbeza. Al-Bukhari menggunakan frasa ini untuk menilai sejumlah besar perawi dalam kitabnya, dan hasil penilaianya sering kali mengisyaratkan kelemahan perawi atau periwayatannya. Namun, tidak semua penilaian ini sama, dan beberapa perawi mungkin memiliki *jarh shadid* atau *jarh khafif*, bahkan ada yang terdapat dalam kitab *Sahih Muslim*. Faktor-faktor seperti tidak mempercayai seorang guru atau murid tertentu, kelemahan status perawi, meriwayatkan sendiri tanpa *mutaba'ah*, atau konflik dengan periwayatan perawi yang lebih kuat, dapat mempengaruhi penilaian al-Bukhari terhadap perawi dan periwayatannya.

Dalam satu kajian lain yang ditulis oleh S. Masri (2015) dalam tulisan thesis beliau, Hasil penelitian menunjukkan bahwa Kitab *Tahzib al-Tahzib* disusun berdasarkan urutan huruf abjad, dengan dimulainya biografi tokoh yang bernama Ahmad pada huruf "hamzah" dan Muhammad pada huruf "mim," sesuai urutan abjadnya. Ibnu Hajar juga menambahkan kata "قلت" di beberapa bagian biografi yang tidak ada dalam kitab sebelumnya, dengan semua kata setelah "Qultu" merupakan tambahan dari Ibnu Hajar hingga akhir biografi. Beliau tidak membuang biografi dari perawi hadis yang terdapat dalam Kitab "Tahzib al-Kamal." Ibnu Hajar al-Asqalani juga tidak menggabungkankan guru-guru dan murid-murid yang biografinya telah dimudahkan oleh al-Mizzy, dan dia hanya membatasinya pada mereka yang paling dikenali, paling kuat dalam hafalan, dan yang namanya kerap disebut ketika merujuk kepada perawi tersebut. Hal ini diharapkan dapat menguatkan pemahaman terhadap metodologi Ibnu Hajar al-Asqalani dalam penulisan Kitab *Tahzib al-Tahzib*.

## BIOGRAFI ABU HAQS UMAR BIN AHMAD ATAU DIKENAL IBNU SHAHIN

Beliau ialah Al-Hafiz Muhaddith al-Iraq Abu Hafs Umar Bin Ahmad Bin Uthman Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Ayyub Bin Ardaz Al-Baghdadi dan lebih dikenali dengan Ibnu Shahin. Gelaran ini dinisbahkan kepada datuk sebelah ibunya. (Ibnu Shahin, 1995)

## LATAR BELAKANG KEHIDUPAN

Ibnu Shahin dilahirkan pada bulan Safar tahun 297 H di sebuah daerah bernama Marwi Ruuz dari Kuur Khurasan. Beliau mengetahui tarikh lahirnya dari buku yang di tulis oleh ayahnya sendiri.

Al-Hafiz Muhibbin al-Iraq Abu Hafs Umar Bin Ahmad Bin Uthman dan lebih dikenali dengan Ibnu Shahin. Gelaran ini dinisbahkan kepada datuk sebelah ibunya.

Beliau membesar dengan didikan agama yang baik dan telah mula menuntut ilmu hadis pada usia 11 tahun. Antaranya dengan ayah serta datuk sebelah ibunya yang bernama Ahmad bin Muhammad bin Yusuf bin Shahin pada tahun 308 H. Ibnu Shahin memperoleh ilmu yang banyak serta bermanfaat dari datuknya (Ibnu Shahin, 1998). Senarai guru-guru Ibnu Shahin dapat dilihat dalam jadual 1.

Jadual 1: Senarai nama guru Ibnu Shahin dan tarikh kematian. (Ibnu Shahin, 1995)

<b>Nama Guru</b>	<b>Tahun Kematian (Hijri)</b>
Abu Bakar Muhammad Bin Ismail Al-Baghandi	312
Abu Ali Muhammad Bin Sulaiman Al-Maliki	-
Abu Al-Qasim Al-Baghawi	317
Abu Khubaib Al-Abbas Bin Al-Birti	308
Abu Bakar Bin Abi Daud	316
Syaib Bin Muhammad Az-Zara'	308
Yahya Bin Shoi'd	318
Abu Hamid Al-Hadhrami	321
Abu Bakar Bin Ziyad	324
Muhammad Bin Harun Bin Al-Mujaddir	312
Al-Hussein Bin Ahmad Bin Bistom	310
Nasr Bin Al-Qasim Al-Faraidhi	314
Muhammad Bin Soleh Bin Zughail	-
Muhammad Bin Zuhair Al-Ubali	318

Ahmad Bin Sulaiman Bin Zabban	338
Ahmad bin Salman Bin hasan	348

---

Selain daripada memiliki ramai guru, Ibnu Shahin juga memiliki ramai anak murid yang mengambil ilmu dan bertalaqqi dengannya. Di dalam jadual 2, dinyatakan sebahagian pelajar-pelajar yang mengambil ilmu daripadanya.

Jadual 2: Senarai nama sebahagian anak murid Ibnu Shahin dan tarikh kematian. (Ibnu Shahin, 1995)

<b>Nama Murid</b>	<b>Tahun Kematian (Hijri)</b>
Abu Bakar Muhammad Bin Ismail Al-Warraq	378
Abu Al-Fath Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Al-Fawaris	412
Abu Sai'd Al-Malini	412
Hilal Bin Muhammad Al-Haffar	414
Abu Nuaim Al-Ashbahani	430
Abu Bakar Al-Barqani	425
Al-Hassan Bin Muhammad Al-Khallal	439
Abu Talib Al-U'syari	451
Ahmad Bin Muhammad Al-A'tiqi	441
Abu Muhammad Al-Jauhari	454
Abu Al-Hussein Bin Al-Muhtadi Billah	465
Abu Al-Qaasim Al-Tanukhi	447
Abu Bakar Muhammad Bin Abdul Malik Al-Qurasyi	448
Abu Ali Muhammad Bin Wasyah	463

---

## PENDIDIKAN

Kehebatan dan keilmuan Ibnu Shahin dapat dilihat dalam kesungguhan beliau menuntut dan mendapatkan ilmu sehingga beliau mampu menghasilkan sebanyak 330 karya yang berfaedah seperti ilmu hadis, tafsir dan lain-lain.

Beliau melakukan permusafiran untuk mendapatkan sesuatu hadis sebagai salah satu *sunnah* para sahabat dan diteruskan oleh generasi seterusnya malah ianya termasuk adab dalam menuntut ilmu hadis. Pada usia 35 tahun, Ibnu Shahin telah melakukan permusafiran untuk mendapatkan hadis dan beliau bukan hanya mengambil ilmu dan hadis daripada guru-gurunya di Baghdad. Antara tempat-tempat yang dilawati oleh beliau ialah Basrah, Ablah, Wasith, Al-Riqqah, Himsh, Dimasyq, Tarablus, Al-Hijaz, Mesir dan lain-lain (Andariati, 2020).

## SUMBANGAN DAN KHIDMAT

Ibnu Shahin memiliki pelbagai pencapaian dalam khidmatnya untuk Islam. Antara bentuk pencapaian yang disumbangkan oleh beliau adalah hadis-hadis yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW yang telah memberi banyak manfaat dan faedah untuk umat Islam sehingga meyakinkan generasi seterusnya untuk beramal dengan amalan yang tepat.

## AKIDAH DAN MAZHAB IBNU SHAHIN

Akidah Ibnu Shahin adalah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah berdasarkan kajian daripada bukunya *Syarh Mazahib Ahlus Sunnah*. Manakala mazhab fiqh, beliau *rahimahullah* tidak berpegang dengan mana-mana mazhab fiqh. Hal ini berdasarkan kenyataan beliau apabila ditanya tentang mazhab: “*Saya bermazhab Muhammadi. Saya tidak bertaqlid melainkan hanya bertaqlid kepada Rasulullah SAW*” (Ibnu Shahin, 1994).

## KEMATIAN

Ibnu Shahin meninggal dunia pada hari Ahad bersamaan 11 Zulhijjah tahun 385 Hijri. Beliau *rahimahullah* dikebumikan di pintu *Harb* bersebelahan dengan kubur Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*. Setelah kematiannya, Ibnu Shahin telah meninggalkan khazanah yang besar melalui karya-karya penulisannya yang dimanfaatkan dan dijadikan rujukan oleh ramai orang khususnya penuntut ilmu agama (Ibnu Shahin, 1995)

## KARYA-KARYA PENULISAN


Ibnu Shahin meninggalkan banyak karya-karya yang berkualiti tinggi yang masih dijadikan rujukan oleh kebanyakan orang-orang Islam, penuntut ilmu hadis dan pengkaji-pengkaji

sehingga ke hari ini. Ibnu Shahin telah menulis dalam pelbagai cabang ilmu agama dan sebahagian karya-karya yang ditulis oleh beliau telah tersebar. Antara karya-karya beliau adalah:-

1. *Tafsir Ibnu Shahin*
2. *Fadhl Shahr Ramadhan*
3. *Hadith Umar Bin Ahmad*
4. *Tarikh Asma' Al-Siqat*
5. *Tarikh Asma' Ad-Dhua'fa' wa Al-Kazzabin*
6. *Syarah Mazahib Ahlus Sunnah*
7. *Targhib Fi Fadahil Al-A'mal Wa Sawab Zalik*
8. *Fadhl Sayyidah Al-Nisa'*
9. *Juzu' min Hadith Ibnu Shahin*
10. *Fadhl Fatimah*
11. *Fawa'id Ibnu Shahin*
12. *Nasikh Al-Hadith Wa Mansukhihi*
13. *Musnad Abu Hanifah*
14. *Al-Targhib Fi Al-Zikr*
15. *Al-Tafsir Kabir*
16. *Mu'jam Ibnu Shahin*
17. *Al-Rubai'yyat* (Ibnu Shahin, 1989)

## **METODOLOGI DAN SUMBANGAN ABU HAFS UMAR IBNU SHAHIN**

Ibnu Shahin termasuk salah satu ulama hadis yang muncul dalam sejarah Islam yang banyak meriwayatkan dan menghafal hadis daripada Nabi SAW, kemudian daripada para ulama' dan fuqaha' serta memiliki kedudukan yang besar dalam sejarah umat Islam.



**Rajah 1:** Paparan Karya *Tarikh Asma' Al-Thiqat*

Terdapat beberapa manhaj utama yang digunakan Ibnu Shahin dalam mengumpulkan perawi-perawi *thiqah* didalam kitabnya. Antaranya ialah:

i.Ibnu Shahin mengumpulkan nama-nama perawi mengikut huruf *mu'jam* iaitu dari huruf (أ - ي) tanpa menyebut nama datuk kepada perawi dan seterusnya. Namun perlu diperhatikan di sini, Ibnu Shahin tidak menyusun nama-nama perawi pada huruf alif dan lainnya dengan susunan huru hijai'yyah pada huruf kedua tetapi meletakkan nama-nama yang dikenali seperti Ismail, Ayyub, Adam, Ishaq dan lain-lain. (Tohir, 2011)

Hal ini seperti yang dinukilkhan daripada anak murid beliau: “..... Aku meletakkan nama-nama perawi *thiqah* mengikut huruf *mu'jam* supaya mudah bagi sesiapa yang mencari nama-nama perawi yang dituju....”

### باب الألف

من إسمه اسماعيل

١ - إسماعيل بن أبي خالد

حدثنا إسماعيل بن أحمد بن صدقة ثنا أحمد بن أبي خيثمة قال : سمعت  
يجي بن معين يقول : سمعت من سأله ابن مهدي عن إسماعيل بن أبي خالد ؟  
فقال : ثقة ، وأثنى عليه الشعبي .

٢ - وقال يحيى بن معين : إسماعيل بن مسلم المخزومي ، ثقة ، يروي عنه  
وكيع ، يحدث عن عبد الله بن عبيد بن عمير .

٣ - وقال ابن معين : إسماعيل بن مسلم العبدلي ثقة . وهو بصري روى عنه ابن  
معين .

٤ - إسماعيل بن أمية . إذا حديث عن الثقات فهو ثقة . قاله ابن معين .

**Rajah 2:** Paparan adalah contoh manhaj daripada kitab *Tarikh Asma' al-Thiqat*. Ibnu Shahin akan mengumpulkan nama-nama perawi mengikut susunan huruf *mu'jam* yang dimulakan dengan huruf Alif dan mengkategorikan nama-nama perawi berdasarkan nama yang dikenali.

ii.Ibnu Shahin ada menyebutkan nama-nama ulama yang *mengesahkan* perawi pada kebanyakan keadaan dan terjemahan nama-nama perawi kebiasaannya tidak melebihi satu atau dua muka surat. (Tohir, 2011)

- ٤٣٦ — وسعيد بن يزيد أبو مسلمة ، ثقة ، والجريري ثقة أكثر حديثاً من أبي مسلمة ، وأبو مسلمة شيخ مسكون ثقة .
- ٤٣٧ — سعيد بن نافع ، روى عنه بْكَيرٌ ويزيد بن أبي حبيب ، كان صديقاً لعمر ابن عبد العزيز ، وكان يلقب صنارة ، وليس بين سعيد بن نافع وحميد بن نافع قرابة . قال ذلك أَحْمَدُ بْنُ صَالِحَ .
- ٤٣٨ — سعيد بن عبد الرحمن ، روى عن إِبْنِ سِيرِينَ ، وهو سعيد أخو أبي حُرَّةَ ، ثقة . قال إِبْنُ مَعِينَ .
- ٤٣٩ — قال : وأَبُو عَاصِمِ الْعَبَادِيِّ كَانَ يَنْزَلُ بَعَبَادَانَ لَمْ يَكُنْ بِهِ بَأْسٌ . سمعت عبد الله بن منيع في ما قرئ يقول : أبو عاصم العبادي أحسبه سعيد بن زَرْبِي .
- ٤٤٠ — سعيد بن عبد الرحمن بن أَنَيْسَ ، لِيْسَ بِهِ بَأْسٌ . قاله يحيى .
- ٤٤١ — وعن أَحْمَدَ بْنَ أَبِي خِيَمَةَ بَاسْنَادِهِ كَانَ سَعِيدَ بْنَ جَبَّارَ جَهْبَذَ الْعَلَمَاءَ .

**Rajah 3:** Paparan adalah contoh bagaimana Ibnu Shahin menukilkan pandangan-pandangan daripada ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* berkaitan *pengesahan* terhadap setiap perawi yang ditulis dalam karya beliau.

iii.Penerangan tentang setiap perawi yang ditulis oleh beliau sangat ringkas dan padat. Kebiasaannya, beliau hanya menjelaskan tentang perawi pada satu baris sahaja dan kadangkala lebih sedikit tetapi tidak lebih daripada setengah mukasurat. Metodologi ini banyak digunakan dalam karya-karya ilmu *rijal* yang lain. (Tohir, 2011)

- ٤٨ — وقال ابن مهدي : كان ابراهيم بن نافع أوثق شيخ بمكة .
- ٤٩ — وقال يحيى بن معين : إبراهيم بن بردان مدیني ثقة ، وهو إبراهيم بن أبي النضر .
- ٥٠ — وقال إِبْنُ مَعِينَ : رأَيْتُ إِبْرَاهِيمَ بْنَ الْمُخْتَارِ ، يُقْدِمُ الرَّازِيُّونَ عَلَى جَمَاعَةِ .
- ٥١ — إِبْرَاهِيمَ بْنَ حَمَدَ الرُّؤَاشِيِّ ثقة .
- ٥٢ — وقال إِبْنُ عَيْنَةَ : حدثنا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مَيسِرَةَ وَكَانَ مِنْ أَصْدِقِ النَّاسِ وَأَوْثَقُهُمْ .
- ٥٣ — وقال ابن معين : إِبْرَاهِيمُ بْنُ عَمَرَ بْنِ كَيْسَانَ يَمَاني ثقة .
- ٥٤ — وإِبْرَاهِيمَ بْنَ سُوَيْدَ ثقة .
- ٥٥ — وإِبْرَاهِيمَ مَوْلَى بُجَيْرَ ثقة .
- ٥٦ — وإِبْرَاهِيمَ بْنَ عَبْدِ الْأَعْلَى . لِيْسَ بِهِ بَأْسٌ .
- ٥٧ — وقال محمد بن عبد الله بن عمر في إِبْرَاهِيمَ بْنَ هَرَاسَةَ . صَدُوقٌ يَحْدُثُ عَنْ

**Rajah 4:** Paparan adalah contoh yang menunjukkan bagaimana Ibnu Shahin menyenaraikan nama-nama serta maklumat perawi dalam bukunya.

iv. Ibnu Shahin paling banyak menukilkan pendapat atau pandangan daripada Ahmad Bin Hanbal dan Yahya Bin Mai'n ketika menterjemahkan perawi-perawi di dalam bukunya. Pentahqiq buku *Tarikh Asma' al-Thiqat* menjadikan 27 ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* sebagai sandaran utama dalam menterjemahkan nama-nama perawi di dalam buku tersebut. (Tohir, 2011)

Nama ulama	Tarikh Kematian(Hijri)
Sufyan Bin Sai'd At-Sauri	161
Syu'bah Bin Al-Hajjaj	160
Yahya Bin Sai'd Al-Qattan	198
Sufyan Bin Uyainah	198
Muhammad Bin Abdullah Bin Numair	234
Ubaidullah Bin Umar Bin Maisarah	235
Uthman Bin Abi Syaibah	239
Ibnu Ammar Muhammad Bin Abdullah	242
Ahmad Bin Soleh Al-mesri	248
Ali Bin Abdullah Al-Madini	234
Imam Ahmad Bin Hanbal	241
Yahya Bin Mai'n	203
Abdul A'la Bin Mushir	218
Abdul Rahman Bin Mahdi	198
Abdullah Bin Al-Mubarak	181
Hammad Bin Zaid	179
Muhammad Bin Ja'far Al-Huzali	193
Waki' Bin Al-Jarrahd	196
Muhammad Bin Sirin	110
Muhammad Bin Idris As-Syafie	204
Abdul Malik Bin Abdul Aziz Bin Juraij	150

Ali Bin Hajar As-Sa'di	244
Yahya Bin Shoi'd	318
Abu Bakar Muhammad Bin Harun	317
Sulaiman Bin Mehran	148
Muhammad Bin Ishaq Bin Yasar	151
Yazid Bin Harun	206

**Rajah 5:** Gambar rajah ini menunjukkan senarai ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang dijadikan sandaran utama oleh Ibnu Shahin dalam menilai kedudukan setiap perawi.

v. Walaupun penulis hanya bertujuan mengumpulkan perawi-perawi *thiqah* sahaja di dalam kitabnya, namun terdapat beberapa perawi yang dihukum sebagai lemah. Hal ini dijelaskan oleh pentahqiq di dalam nota kaki buku *Tarikh Asma' al-Thiqah*. (Tohir, 2011)

١٢٠٣ — ١٢٠٢ — محمد بن ثابت ، محمد بن ثابت البُنَانِي ، ليس بشيء .
١٢٠١ — التاريخ : رقم ٣٩٧٨ ، ٣٤٢٢ - محمد بن ثابت بن عمرو بن الخطب الخراساني الانصاري ، من اهل مرو ، أصله بصري ، الجرح والتعديل : ٢١٦/٧ .
١٢٠٣/١٢٠٢ — التاريخ : رقم ٣٤٢٢ . محمد بن ثابت العبدى ابو صالح البصري ، وفي رواية عن يحيى : ليس به بأس . قال الحافظ : صدوق/لين الحديث/دق . الجرح والتعديل : ٢١٦/٧ ، تهذيب : ٨٥/٩ ، تقريب : ١٤٩/٢ .
محمد بن ثابت بن أسلم البُنَانِي البصري . قال الحافظ : ضعيف ، اخرج له/ت . الجرح والتعديل : ٢١٧/٧ ، تهذيب : ٨٣/٩ ، تقريب : ١٤٨/٢ .
— ٢٠٠ —

**Rajah 6 :** Paparan adalah contoh yang menunjukkan kesilapan Ibnu Shahin dalam memasukkan perawi yang lemah dalam karya ini yang mana hanya mengkhususkan perawi-perawi *thiqah* disisi ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Contoh yang disebutkan pada metodologi ini dikuatkan lagi dengan maklumat yang dibawa oleh Ibnu Abi Hatim di dalam kitabnya *al-Jarh wa al-Ta'dil* pada jilid ke 7 mukasurat 217.

vi. Penyusunan nama perawi yang sama dari sudut huruf dan perkataan diletakkan dalam satu bab dan disertakan lafaz *Ta'dil* (pujian) daripada ulama-ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

**ذكر من اسمه عثمان**

٧٢٩ — نا عبد الله بن سليمان نا عبد الله بن أحمد حدثني أبي نا عبد الصمد نا حزم قال سمعت الحسن يقول : وحَدَّثَ بِحَدِيثٍ فَقَالَ لَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ مَنْ أَخْبَرَكَ بِهَذَا الْحَدِيثِ يَا أَبَا سَعِيدَ ؟ قَالَ : ثَبَّتْ عُثْمَانُ بْنُ أَبِي الْعَاصِ ، قَالَ : ثَقَةٌ وَاللَّهُ .

٧٣٠ — عثمان بن أبي هند ، كوفي ثقة ثقة . قاله أحمد .

٧٣١ — وعثمان البَنْيَ أبو عمرو ، ليس به بأس .

٧٣٢ — وعثمان الشَّحَام ، ليس به بأس .

٧٣٣ — وعثمان بن غياث ، ثقة ثبت .

٧٣٤ — وعثمان بن أبي زرعة وهو عثمان الأعشى ، وهو عثمان بن المغيرة وهو أبو المغيرة الثقفي وهو ثقة .

٧٣٥ — عثمان بن عبد الرحمن الحرافي ، ثقة ثقة إلا انه كان يَرُوِي عن الضعاف

**Rajah 7:** Paparan menunjukkan bagaimana cara Ibnu Shahin mengumpulkan nama-nama perawi yang sama dalam satu bab bersama lafaz-lafaz *al-Jarh wa al-Ta'dil* keatas perawi.

## KESIMPULAN

Setelah melakukan pembacaan, penelitian, dan kajian terhadap kitab *Tarikh Asma' al-Thiqat* oleh Ibnu Shahin, dapat disimpulkan beberapa perkara. Pertama, kitab ini dikenal sebagai salah satu karya yang terkenal dalam membahas dan mengumpulkan perawi-perawi *thiqah*. Kedua, metode penyusunan nama-nama perawi oleh Ibnu Shahin mudah dan ringkas. Ketiga, susunan kitab ini di susun berdasarkan huruf abjad, dimulakan dengan nama Ismail. Keempat, Ibnu Shahin memiliki metode tersendiri dalam meletakkan nama perawi yang sama nama dengan mengumpulkannya dalam satu bab berasingan. Kelima, Ibnu Shahin banyak mengutamakan lafaz *al-Jarh wa al-Ta'dil* keatas perawi-perawi dari dua tokoh ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, yaitu Yahya bin Mai'n dan Ahmad bin Hanbal. Keenam, perbahasan latar belakang perawi dalam kitab *Tarikh Asma' al-Thiqat* bersifat ringkas dan padat, dengan sebagian besar tidak melebihi setengah halaman dan paling minimum satu baris.

## RUJUKAN

- Abu Lubabah Husain, (1979). *Al-Jarh wa al-Ta'dil*. Beirut: Dar al-Liwa'.
- Afif, H. A. D, (1995). *Al-Jarh wa al-Ta'dil. Al-Qalam*.
- Al-Khathib, Muhammad 'Ajjal. (1989). *Ushul al-Hadis: 'Ulumuhu wa Mushthalahu*. T.k: Dar al-Fikr.
- Al-Khathib, Muhammad 'Ajjal. (2003). *Ushul al-Hadis, Ter. M.Qadirun dan Ahmad Musyafiq*. Gaya Media Pratama.
- Ammari, S. S. A., (2012) *Manhaj al-Imam al-Bukhari fi kitabihi al-Du'afa': dirasah nazariyah tatbiqiyah = Methodology of Imam al-Bukhari in his book al-Du'afa : theory and practical study* / Salem Saleh Ahmed al-Ammari. Masters thesis, University of Malaya
- Dandy Syauqy Muazar, 2023. *Kajian Metodologi al-Jarh wa al-Ta'dil dalam kitab al-Jarh wa al-Ta'dil karya Ibnu Hatim al-Razi (Studi Kitab Rijal Hadis)*. Yogyakarta: State Islamic University Sunan Kalijagan.
- Dandy, S. M. NIM.: 19105050040 (2023) *Kajian Metodologi Al-Jarh Wa Al-Ta'dil Dalam Kitab Al-Jarh Wa Al-Ta'dil Karya Ibn Abi Hatim Al-Razi (Studi Kitab Rijal Hadis)*. Skripsi Thesis, Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Humaedi, I. (2020). *Konsep al-Jarh Wa al-Ta'dil Imam al-Bukhari*: Studi analisis lafaz Fihi Nazar bagi Rawi dalam Kitab al-Tarikh al-Kabir [Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung].
- Ibnu Abi Hatim, A. (1952). *Al-Jarh wa Al-Ta'dil*. Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi.
- Ibnu Shahin, Abi Hafs Umar Ahmad Uthman. (1989). *Tarikh Asma' al-Thiqat*. Dar al-Salafiyyah.
- Ibnu Shahin, Abi Hafs Umar Ahmad Uthman. (1995). *Al-Targhib fi Fadhill al-A'mal wa Sawab Zalik*. Dar Ibnu al-Jauzi.
- Ibnu Shahin, Abi Hafs Umar Ahmad Uthman. (1995). *Syarah Mazahib Ahlus Sunnah*. Mu'assasah Qurtubah.
- Ibnu Shahin, Abi Hafs Umar Ahmad Uthman. (1998). *Nasikh Al-Hadith wa Mansukhihi*. Tahqiq: Samir Bin Amin Al-Zuhairi. Maktabah Al-Manar – Al-Zarqa'.
- Ibnu, A. S. U., & Ahmad, F. H. (2019). Tela'ah Kitab Rijal al-Hadis Tahzib al-Kamal fi Asmai al-Rijal Karya al-Mizzi. *Jurnal Hadis Nusantara*. <http://dx.doi.org/10.24235/jshn.v1i2.5746>
- Imron, A. (2018). Dasar-Dasar Ilmu Jarh Wa Ta'didil. Mukaddimah: Jurnal Studi Islam, 2(2), 287–302. <https://doi.org/10.14421/mjsi.22.1371>

- Iskandar, A. (2019). Metodologi Kritik Sanad Al-Hafizh Ibnu Hajar. *Jurnal Studi Hadis Nusantara*, 1(2). <http://dx.doi.org/10.24235/jshn.v1i2.5751>
- Ismail, M. S. (1995). *Kaidah Kesahihan Sanad Hadis*. Jakarta: Cet. II; Bulan Bintang.
- Leni, A. (2020). Hadis dan Sejarah Perkembangannya. *Diroyah: Jurnal Ilmu Hadis*. <https://doi.org/10.15575/diroyah.v4i2.4680>
- Muazar, D. S. (2023). *Kajian Metodologi Al-Jarh Wa Al-Ta'dil Dalam Kitab Al-Jarh Wa Al-Ta'dil Karya Ibn Abi Hatim Al-Razi* [Doctoral Dissertation], Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- S., Masri (2015) *Metodologi Ibnu Hajar Al Asqala ni dalam Kitab Tahzib al- Tahzib* (ISBN: 979-418-134-x). [Magister (S2) thesis], Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Silviantoro, N. I. (2019). *Telaah Metodologi Penyahihan Ibnu Hibban terhadap Hadis (اقرؤوا عَلَى مَوْتَأْكِمٍ يَسِّ*). *Al-Majaalis*, 6(2), 81-112. <https://doi.org/10.37397/almajalis.v6i2.115>
- Syamsudin, K. (2017). *Manhaj Ibnu Abî Hâtim Dalam Kitab Al-Jarh Wa Al-Ta'dil*. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 2(1), 1-14. <https://doi.org/10.15575/diroyah.v2i1.2491>
- Tohir, J. A. A. (2011) *Al-Bayan wa al-Tafshil bi Dirasati Asyhar Kutub al-Jarh wa al-Ta'dil*. Islamic University of Madinah.